

08 NOV 1996

TENGGU AZZMAN: PKS DAPAT MANFAAT DARIPADA PEMBANGUNAN MSC

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) boleh mendapat banyak manfaat daripada pembangunan negara dalam bidang Koridor Raya Multimedia (MSC), kata ketua eksekutif MIMOS Bhd, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen hari ini.

Katanya syarikat-syarikat perisian kecil dan sederhana, komputer dan multimedia yang beroperasi di dalam kawasan MSC boleh merubah daripada maklumat yang diperolehi, kepada keluaran yang boleh dijual kelak.

"Ekonomi digital yang sedang muncul, yang Malaysia bersiap sedia, akan memberi peluang terbaik bagi PKS untuk memperluaskan perniagaan mereka," katanya di perbincangan meja bulat media mengenai teknologi maklumat: rancangan untuk tindakan, di sini.

Katanya terdapat kecenderungan bahawa satu hari nanti sebahagian besar daripada urusan harian akan dilaksanakan menerusi kaedah elektronik, seperti Internet, dengan adanya masyarakat yang kaya dengan pengetahuan dan bersifat kreatif untuk menghasilkan barangan serta perkhidmatan yang inovatif yang boleh dijual dengan mudah.

Beliau berkata MSC akan menyediakan saluran bagi PKS untuk mengambil kesempatan daripada sebarang peluang yang wujud hasil daripada pemasaran tanpa batasan, jaringan perkilangan, kelompok penyelidikan dan pembangunan, sekolah pintar, pusat kewangan multimedia dan teleperubatan.

Penglibatan lebih banyak PKS di dalam kawasan MSC, akan menyokong dan menghasilkan dorongan bagi pembentukan lebih besar syarikat antarabangsa dan syarikat gergasi tempatan di dalam MSC, tambahnya.

Mengenai insentif untuk menggalakkan PKS bagi menubuhkan operasi di dalam kawasan MSC, beliau menyatakan bahawa Perbadanan Pembangunan Multi-Media (MDC) yang menyelia pembangunan MSC, mempunyai senarai rancangan jangka sederhana dan jangka panjang.

Ditanya apakah insentif yang dimaksudkan itu, Tengku Azzman yang menganggotai lembaga pengarah MDC berkata ia pada dasarnya sealiran dengan pelbagai insentif yang dinyatakan pada belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini, bersama-sama dengan beberapa lanjutan dalam pembiayaan, misalnya.

Bagaimanapun, katanya MSC tidak seharusnya dilihat sebagai rancangan pembangunan prasarana tetapi sebaliknya sebagai sebuah program untuk memajukan pengetahuan dan kemahiran bagi menghasil serta memanipulasikan kandungan.

Katanya adalah diharapkan pameran dan persidangan kebangsaan INFOTECH Malaysia '96 yang akan datang akan mempercepatkan perubahan Malaysia ke arah masyarakat kaya dengan maklumat, tambahnya.

Persidangan tiga hari INFOTECH '96 bermula pada 18 Dis ini di Pusat Dagangan Dunia Putra akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC). Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan penting pada majlis perasmian tersebut.

Tengku Azzman berkata kumpulan sasaran bagi INFOTECH '96 ialah penggubal dasar seperti para ketua jabatan kerajaan, ketua pengarah dari sektor awam dan ketua pegawai eksekutif dari sektor swasta.

INFOTECH Malaysia '96 merupakan persidangan dan pameran tahunan anjuran NITC dengan kerja sama MIMOS Bhd, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU), Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM) dan Telekom Malaysia Bhd. -- BERNAMA

RIZ MA/sia